


e-Pengeluaran

- e-Pengeluaran merupakan saluran serahan permohonan pengeluaran secara online melalui laman web KWSP bagi ahli yang mempunyai i-Akaun.
- Melalui kaedah ini, ahli mempunyai pilihan untuk menghantar permohonan secara online dengan mengakses sendiri laman web KWSP atau penghantaran melalui IPT/IPP, di mana Petugas Kaunter IPT/IPP menghantar permohonan pengeluaran secara online di laman web KWSP bagi pihak ahli.
- Melalui kaedah e-Pengeluaran ini juga, pihak IPT/IPP memberi pengesahan maklumat pelajar/peminjam secara online dan dokumen Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar Penyata Baki Pinjaman tidak perlu disediakan.



Elemen Utama Dalam e-Pengeluaran

Tatacara Penghantaran Permohonan Pengeluaran oleh Pelajar

| | |
|-------------------|--|
| Langkah 1 | Pengguna i-Akaun login melalui myEPF dalam Portal KWSP. Untuk mengetahui tatacara pengaktifan i-Akaun boleh klik pada pautan berikut http://www.kwsp.gov.my/members/First_Time_Login_Guide_ms.pdf |
| Langkah 2 | Sistem akan semak kelayakan ahli. Apabila semakan kelayakan berjaya, permohonan akan diterima |
| Langkah 3 | Emel notifikasi akan dihantar kepada pihak PKP |
| Langkah 4 | PKP UKM akan login Portal KWSP untuk pengesahan |
| Langkah 5 | <i>Mapping Process</i> dengan data yang disediakan oleh pihak PKP UKM melalui myEPF |
| Langkah 6 | Permohonan didaftarkan dalam pangkalan data KWSP |
| Langkah 7 | Sistem menjalankan proses pengesahan dan menerima kelulusan jika berjaya |
| Langkah 8 | Sistem akan menghantar SMS kepada ahli dan notifikasi ke i-Akaun ahli |
| Langkah 9 | Pengesahan ahli dan pengesahan cap jari di kaunter KWSP |
| Langkah 10 | Bayaran melalui pengkreditan terus kepada IPT/ahli |